

Edisi Kedua 2024

MITASA
KESATUAN KAKITANGAN AKADEMIK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



Suara

MITASA

Bengkel e-TUIS,
bantu kesatuan
lebih efisien

Risiko psikososial
tempat kerja:
ke arah menjadikan UiTM
sebagai majikan yang
sihat dan selamat

Usah aniaya anak buah,
jawatan adalah amanah
dan keadilan

Kenapa Susahnya
Nak Naik Pangkat?

PTM beri pendedahan
kepada pensyarah baharu

Insentif Kecemerlangan
SPM terus bantu anak
ahli MITASA

ISSN 3083-6116



9 773063 611009

Permulaan yang sempurna

Cabaran penyeliaan kejururawatan ke lapangan klinikal

Naini Junaidi

Pensyarah Fakulti Sains Kesihatan Kejururawatan

Tugasan menyelia pelajar kejururawatan di lapangan klinikal amatlah mencabar kerana pelajar perlu menjalani prosedur sebenar ke atas pesakit untuk semua tatacara kejururawatan sejak mereka dari semester satu sehingga ke semester akhir iaitu semester enam. Bagi pelajar semester satu, ianya merupakan pengalaman yang amat mendebarakan kerana ia kali pertama mereka melakukan tatacara kejururawatan ke atas pesakit kerana kebiasaannya mereka hanya membuat latihan di makmal jururawat menggunakan patung patung yang disediakan, sebelum ditempatkan ke lapangan sebenar. Pelajar kejururawatan yang menjalankan latihan sama ada latihan di pusat kerajaan atau swasta di universiti mahupun kolej, kualiti pengajaran dan pembelajaran kejururawatannya dipantau oleh Lembaga Jururawat Malaysia bagi memastikan ianya mengikut piawai yang digaris oleh badan itu.

Pelajar kejururawatan perlu menjalani latihan praktikal untuk 3 tahun dan latihan program kejururawatan itu harus mencapai 2,080 jam bersamaan 52 minggu. Selain itu, mencapai semua sasaran prosedur semester satu hingga semester enam sebanyak 206 prosedur bagi melayakkan mereka dapat menduduki peperiksaan Lembaga Jururawat Malaysia dan mendapat pengiktirafan sebagai jururawat berdaftar dan berlesen.

Semasa di semester satu latihan klinikal, pendedahan pengalaman praktikal yang pelajar harus lakukan ialah pemeriksaan tanda vital ke atas pesakit seperti pemeriksaan tekanan darah pesakit, denyutan nadi, kadar penafasan, tahap suhu badan, paras oksigen dalam darah dan tahap kesakitan yang dialami pesakit. Prosedur pemeriksaan pada tanda vital amatlah penting kepada doktor dan jururawat yang menjaga pesakit untuk merawat pesakit di bawah jagaannya.



Begitu juga doktor, kerana setiap keputusan pada tanda vital membawa analisis keadaan kesejahteraan dan keseimbangan tahap kesihatan pesakit bagi membolehkan tindakan perawatan segera dan kecemasan dapat dilakukan secepat mungkin sekiranya didapati ada keabnormalan wujud. Terkini di era moden peralatan perawatan juga canggih di mana pelajar diajar menggunakan peralatan digital untuk melakukan pemeriksaan tanda vital ke atas pesakit. Peranan penyelia adalah perlu memastikan pelajar melakukan prosedur dengan betul terutamanya pelajar tahun satu.

Daripada keputusan pemeriksaan, jika didapati tanda vital yang abnormal, penyelia akan ajar pelajar cara merujuk keputusan itu kepada doktor atau jururawat yang menjaga pesakit. Setiap keputusan pada tanda vital didokumentasi ke dalam carta pemeriksaan tanda vital. Contohnya pesakit mengalami tahap suhu badan di paras 38.8 selsius, tindakan doktor sebelum pemberian ubat antibiotik ialah pengambilan darah untuk pemeriksaan kultur dan dihantar ke makmal bagi mengesan jenis mikroorganisma yang menyebabkan demam dan jangkitan kepada pesakit. Selain itu, mengarahkan pemberian ubat anti demam iaitu Paracetamol atau Panadol.

Bagi pelajar pula mereka berpeluang untuk melakukan tatacara mandikan pesakit untuk kurangkan tahap suhu badan yang abnormal yang dipanggil 'tepid sponging' atau mandi berjelum yang dilakukan selama 15 hingga 30 minit. Mandi lap dilakukan di seluruh badan pesakit dan tuala-tuala kecil diletak di celah setiap lipatan badan pesakit untuk proses penyerapan 'haba dalam badan dan menurunkan suhu badan yang tinggi.

Selepas 30 minit, pemeriksaan semula suhu badan dilakukan bagi mengetahui sama ada ianya turun di samping pesakit didedahkan di bawah kipas angin atau di bilik yang mempunyai edaran pendingin hawa, selain pesakit juga digalakkan minum banyak air dan mengenakan pakaian nipis.

Bagi pelajar semester satu, mereka didedahkan dengan penjagaan kebersihan dan keperluan aktiviti harian pesakit seperti memandikan pesakit yang terlantar, mencuci rambut pesakit, membersihkan gigi dan mulut. Paling mencabar bagi mereka ialah memandikan pesakit lumpuh dan membersihkan pesakit yang terlantar dan memerlukan penjagaan dan pemerhatian yang khusus. Antaranya ialah cara tukar baringan, cara cucikan mulut, cara tukar lampin pakai buang dan mencuci bahagian punggung juga kemaluan pesakit kerana ia memerlukan teknik yang betul supaya tidak mencederakan kulit pesakit dan organ luaran.

Selesai tatacara kejururawatan, pelajar akan dibimbing cara menulis dalam carta dokumentasi pelaksanaan intervensi kejururawatan dan merekod jumlah buangan najis dan air kencing pesakit didalam carta kemasukan dan keluaran harian pesakit yang dikenali sebagai carta 'intake and output'. Carta ini amat penting kepada doktor kerana ia dapat menganalisis fungsi organ buah pinggang, fungsi organ gastrousus juga fungsi organ hati pesakit bagi memudahkan doktor mengesan jenis penyakit melalui warna najis dan warna air kencing pesakit yang dicatatkan.

Peringkat semester enam pelajar akan menjalani preceptorship iaitu mereka akan melakukan prosedur latihan pengurusan kejururawatan sebagai jururawat yang menjaga pesakit dan menulis dokumentasi laporan kemajuan penjagaan pesakit ke dalam fail laporan pesakit. Fail laporan ini akan disimpan ke bilik rekod kesihatan untuk 7 tahun di bawah dokumen rahsia pesakit. Selain memastikan pelajar mencapai pengalaman prosedur kejururawatan dan memenuhi serta mematuhi syarat praktikal di lapangan, sebagai penyelia pelajar di lapangan klinikal kita juga perlu memastikan pelajar menjaga nama baik universiti terutamanya sahsiah rupa diri mengikut keperluan dan syarat Kementerian Kesihatan dan Universiti Teknologi Mara (UiTM). Mereka hendaklah sentiasa kemas beruniform lengkap, selain diingatkan untuk menjaga akhlak semasa di lapangan klinikal.

Bukan mudah untuk mendisiplinkan pelajar dan membentuk mereka menjadi jururawat berwibawa di masa hadapan kerana banyak cabaran dan ujian yang dihadapi penyelia dan juga pelajar yang datang tidak diduga. Kerap memberi peluang dan galakkan kepada pelajar berulang kali melakukan prosedur dapat menajamkan kemahiran mereka dalam melakukan sesuatu yang terbaik. Alhamdulillah, di akhir semester pelajar menunjuk kemahiran dan ramai mereka berkhidmat dalam jawatan jururawat sama ada di dalam negara dan luar negara.

Untuk sebarang urusan berkaitan akses terhadap MITASA, ahli-ahli boleh mengikuti kami di platform media sosial MITASA dengan mengimbas kod QR yang disediakan seperti Tiktok, Facebook, Instagram dan Twitter. Bersama ini juga disertakan kod QR untuk pendaftaran sebagai ahli dan borang aduan untuk ahli yang memerlukan.

Media Sosial MITASA




Tiktok



Facebook



Twitter



Instagram



Laman Web

Keahlian & Aduan



Kemaskini Keahlian



Borang Ahli



Borang Aduan



Siti Fatimah Awang
Setiausaha Media dan
Korporat MITASA
010-9280262



**Nadra Sharfina
Ab Rahman**
Setiausaha Pejabat MITASA
018-2365130